

ANDALAH WIRA NEGARA



# CUKAI KORPORAT

## Pengenalan

Cukai korporat dikenakan atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperolehi pendapatan :

- Di Malaysia dan
- Dari luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut dan udara dan perbankan sahaja

## Tanggungjawab Syarikat

- Hantar anggaran cukai melalui e-Filing (e-CP204) atau Borang CP204 ke Pusat Pemprosesan LHDNM secara manual
  - o Syarikat baharu: 3 bulan dari tarikh mula operasi
  - o Syarikat sedia ada: 30 hari sebelum bermula tempoh asas baharu
- Bayar cukai anggaran menggunakan CP207 sebelum/ pada 10hb setiap bulan
  - o Syarikat baharu: mulai bulan ke-6 tempoh asas
  - o Syarikat sedia ada: mulai bulan ke-2 tempoh asas
- Hantar Borang C secara e-Filing (e-C) atau ke Pusat Pemprosesan LHDNM secara manual
- Kemukakan Borang R (Penyata Baki 108 Tersemak) secara e-Filing (e-R) atau ke Pusat Pemprosesan LHDNM secara manual
- Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun

## Kesalahan Jenayah

Kegagalan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu)

## Perkhidmatan Bayaran Di Bank Ejen LHDNM

Jenis Perkhidmatan	CIMB BANK	PUBLIC BANK	MAYBANK	HONG LEONG	CITIBANK	POS MALAYSIA	AFFIN BANK
Kaunter Bank	√	√	√	-	-	√	√
Perbankan Internet	-	√	√	√	√	√	-

### Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan

## Kadar Cukai Korporat

Jenis Syarikat	*T/T 2009 - 2012
Modal berbayar sehingga RM2.5 juta pada awal tempoh asas	
Pendapatan bercukai RM500,000 pertama	20%
Pendapatan bercukai selebihnya	25%
Modal berbayar melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas	25%

\*T/T – Tahun Taksiran

## Orang Yang Bertanggungjawab

- Pengarah-pengarah syarikat
- Setiausaha syarikat
- Pengurus atau pegawai utama
- Sesiapa sahaja yang menjalankan mana-mana fungsi di atas

## Bayaran Ansuran Syarikat (Anggaran dibuat oleh Syarikat)

Perkara	Syarikat Baharu	Syarikat Sedia Ada	Borang
Hantar anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula bayar	Bulan ke-6 tempoh asas	Bulan ke-2 tempoh asas	-
Tarikh bayaran	Sebelum/pada 10 hb		CP207
Pinda anggaran	Bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas		CP204A

## Kesalahan Sivil

Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan

**HASIL** Teman Keceriaan Anda

www.facebook.com/  
Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri

www.twitter.com/LHDNM

www.hasil.gov.my  
1-800-88-5436 (LHDN)

e-Bayaran di Portal LHDNM  
www.hasil.gov.my